



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

20
24



RINGKASAN EKSEKUTIF & LAPORAN AWAL

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.052 BAYAN BARU

Ringkasan Eksekutif & Laporan Awal

HASIL PEMETAAN KEPERLUAN KOMUNITI
DI KAWASAN PARLIMEN

P.052 BAYAN BARU

Penyunting Siri

Nurul Syaza Mazelan

Penulis

Siti Noraiysah bt Rohim



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

ISI KANDUNGAN

LAPORAN P.052 BAYAN BARU (PULAU PINANG)

Kata Pengantar - Nur Rahmah Othman	I-II
Pendahuluan - Nurul Syaza Mazelan & Siti Nur Ain Zakinuddin	III-XV

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu	1-10
------------------------------	------

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu	
1.0 Pengenalan	12
2.0 Pemetaan Isu	13-35
3.0 Pengutamaan Isu	36-39



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15

KATA PENGANTAR

Nur Rahmah Othman

Pemangku Timbalan Ketua Sekretariat

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) telah aktif sejak 2020 dalam menggerakkan agenda penyetempatan SDG di peringkat kawasan parlimen di seluruh negara. Melalui pendekatan utama pemetaan isu, APPGM-SDG menjalankan perbincangan kumpulan fokus bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran mereka dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang sesuai.

Dari 2020 hingga 2023, APPGM-SDG telah mengunjungi 87 kawasan parlimen. Pada 2024, inisiatif ini diperluaskan ke 30 kawasan parlimen baharu, membolehkan pasukan kami mendalami isu akar umbi dan menentukan keutamaan tempatan. Lawatan tapak ini memberikan pandangan komprehensif mengenai situasi sebenar di lapangan dan mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil lawatan tersebut, 30 laporan awal pemetaan isu telah disediakan pada tahun 2024, terkandung dalam jilid bertajuk "*Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti di Kawasan Parlimen 2024*". Laporan ini dipecahkan mengikut zon dan wilayah – Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah, dan Sarawak – sebagaimana diperincikan dalam **Jadual 1**. Selain itu, laporan bergambar turut disertakan, memaparkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Laporan individu juga disediakan bagi memudahkan rujukan ahli Parlimen dan pihak berkepentingan untuk merujuk laporan mengikut kawasan Parlimen tertentu.

Jadual 1: Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	3
Jilid 2	Zon Timur	4	3
Jilid 3	Zon Tengah	7	5
Jilid 4	Zon Selatan	4	3
Jilid 5	Wilayah Sabah	3	1
Jilid 6	Wilayah Sarawak	3	1
JUMLAH KESELURUHAN		30	

Laporan awal ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara-suara akar umbi, termasuk emosi, keperluan, dan keutamaan masyarakat tempatan. Walaupun laporan ini tidak mengandungi transkrip penuh perbincangan kumpulan fokus, ia cukup memberikan analisis situasi yang menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk nota transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen yang terlibat dan boleh diakses oleh pihak awam atas permintaan untuk kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan dijadikan asas untuk perbincangan lanjut di peringkat lebih tinggi di Parlimen, serta bersama agensi-agensi dan kementerian kerajaan yang berkenaan. Tujuan utama adalah untuk merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong perubahan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2024.

Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan selaku penyunting siri enam jilid ini atas dedikasi beliau menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr Thanaraj Murudi, Cik Siti Noraiyah Rohim, Cik Raine Melissa Riman, Dr Eva Kristin Larry Sait, Cik Nurrul Fazlina Osman, dan Cik Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Cik Zoel Ng, dan khususnya Puan Maisarah Mohd Asri, Jeremiah Nathan Raj, Hirzawati Atikah Mohd Tahir dan Arif Azhad Abdul Ghaffar atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya.

Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENDAHULUAN

Nurul Syaza Mazelan

Timbalan Pengarah Unit Penyelarasan Kawasan Parlimen

Siti Nur Ain Zakinuddin

Penyelaras APPGM-SDG Zon Pantai Timur

Penyetempatan Matlamat Pembangunan Lestari atau *Sustainable Development Goals* (SDG) dengan 17 matlamat utama merupakan satu usaha yang giat dijalankan di seluruh dunia. Kekangan perubahan iklim, ketidakadilan sosial dan kemerosotan alam sekitar yang berterusan menggesa Malaysia untuk bertindak dengan lebih agresif terutama bagi membantu komuniti terpinggir supaya diangkat dan lebih maju ke hadapan berikutan persaingan global yang tidak menentu. Bagi Malaysia, SDG amat penting kerana ia selaras dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju dan mampan. Komitmen terhadap SDG juga mengukuhkan kerjasama antarabangsa dan menunjukkan kepimpinan Malaysia dalam pembangunan mampan.

Pelaksanaan SDG di Malaysia meliputi pelbagai sektor, termasuk pembangunan sosial, ekonomi, alam sekitar, infrastruktur, dan tadbir urus. Antara langkah proaktif menunjukkan komitmen Malaysia untuk mencapai pembangunan yang lebih inklusif dan mampan ialah melalui penubuhan APPGM-SDG. APPGM-SDG telah berfungsi sebagai satu entiti penting yang menggerakkan penyetempatan SDG di Malaysia melalui kerjasama ahli-ahli parlimen.

Seperti tahun sebelumnya, APPGM-SDG meletakkan kajian pemetaan isu sebagai pendekatan utama dalam mendapatkan isu-isu dari komuniti akar umbi, justeru rangka kerja komprehensif ini sekali lagi diteruskan pada tahun 2024. Proses ini penting terutamanya kepada komuniti akar umbi untuk memastikan suara mereka didengari. Pihak kami telah menumpukan usaha yang berganda untuk mempertimbangkan perspektif ekonomi, alam sekitar dan sosial dari kawasan pedalaman sehingga kawasan bandar untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

Pada tahun 2024, proses pemetaan isu telah dilakukan dengan lebih mendalam melalui keterlibatan agensi Kerajaan, swasta dan juga NGO. Perbincangan bersama agensi juga menjadi satu keperluan yang memberi kesan kepada hasil analisis isu yang ditemui. Berbanding tahun sebelumnya, proses pemetaan isu tahun 2024 mengambil masa

selama lebih dua minggu untuk dijalankan sesi dialog bersama agensi. Ini adalah bagi memberi ruang dan masa untuk setiap agensi lebih bersedia dengan data dan tindakan yang telah dilakukan oleh agensi-agensi mengenai isu yang disuarakan oleh komuniti setempat.


Selain itu, adalah menjadi tanggungjawab APPGM-SDG untuk memastikan proses pemetaan isu ini mendapat persetujuan penuh dari setiap peserta terlibat, justeru setiap kali sebelum memulakan sesi dialog, kebenaran bagi merakam audio serta mengambil gambar diperolehi terlebih dahulu. Laporan yang dibukukan ini adalah bertepatan dengan input pemetaan isu sepertimana rakaman audio yang diambil semasa sesi dialog. Peserta juga dimaklumkan bahawa rakaman audio adalah bagi tujuan dokumentasi serta perbincangan inisiatif dasar dan audio akan disimpan rapi tanpa disebarkan kepada umum. Oleh itu, laporan ini tidak akan sesekali berkongsi rakaman audio yang telah dirakam bagi menjaga kepercayaan yang diberi dari peserta kepada pihak penyelidik.

Sebagai hasil kerja keras pasukan APPGM-SDG, kami berbesar hati untuk berkongsi Ringkasan Eksekutif dan Laporan Awal: Hasil Pemetaan Keperluan Komuniti Kawasan Parlimen 2024. Laporan ini disusun dalam enam jilid berbeza melibatkan Zon Utara, Zon Selatan, Zon Pantai Timur, Zon Tengah, Wilayah Sabah dan Wilayah Sarawak. Selain itu, laporan individu mengikut Parlimen juga disediakan untuk rujukan khusus mengikut parlimen tertentu.

Ketua penyelidik yang juga merupakan penulis laporan telah mengambil langkah mendokumentasikan semua isu utama diutarakan dalam sesi dialog yang telah diadakan. Justeru, laporan awal ini mengandungi input perkongsian dan luahan oleh pelbagai pihak termasuk ahli parlimen, pegawai Daerah/Jajahan, ketua komuniti dan masyarakat akar umbi. Semoga laporan ini dapat dijadikan rujukan semua pihak dalam memahami isu penduduk setempat dan memacu pembangunan lestari.

30 kawasan Parlimen telah terpilih untuk menjalankan kajian pemetaan isu dan penyetempatan SDG bagi tahun 2024 merangkumi semua zon di Semenanjung Malaysia serta wilayah Sabah dan Sarawak. Hasil pemetaan isu 30 kawasan Parlimen bagi tahun 2024 ini membawa jumlah kumulatif sebanyak 115 ahli Parlimen telah bekerjasama dengan pihak APPGM-SDG sejak tahun 2020 sehingga kini.

**KAWASAN PARLIMEN TERLIBAT
DENGAN GERAK KERJA APPGM-SDG
DARI TAHUN 2020-2024**



Laporan Awal bagi 30 kawasan Parlimen ini telah dibahagikan mengikut zon dan wilayah. Empat jilid merangkumi empat zon di Semenanjung Malaysia iaitu zon Utara, Timur, Tengah dan Selatan. Manakala, 2 jilid lagi berfokus di Wilayah Sabah dan Sarawak. Terdapat lapan penyelidik yang telah mengetahui proses pemetaan isu di kawasan Parlimen bagi tahun 2024. **Jadual 2** menunjukkan senarai penuh 30 kawasan terpilih untuk tahun 2024.

Jadual 2: Senarai 30 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2024

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1.	Utara	Perak	Pengkalan Hulu	Gerik	P054	YB Tuan Fathul Huzir bin Ayob	PN-BERSATU	Dr Thanaraj Murudi
2.	Utara	Perak	Kerian	Bagan Serai	P058	YB Datuk Idris Bin Ahmad	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
3.	Utara	Kedah	Langkawi	Langkawi	P004	YB Dato' Haji Mohd Suhaimi Bin Haji Abdullah	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
4.	Utara	Perak	Perak Tengah	Parit	P069	YB Tuan Muhammad Ismi Bin Mat Taib	PN -PAS	Siti Noraiysah Rohim
5.	Utara	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara	Tasek Gelugor	P042	YB Datuk Wan Saifulruddin Wan Jan	PN-BERSATU	Siti Noraiysah Rohim
6.	Utara	Pulau Pinang	Barat Daya dan Timur Laut	Bayan Baru	P052	YB Tuan Sim Tze Tzin	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
7.	Utara	Pulau Pinang	Timur Laut	Bukit Bendera	P048	YB Puan Syerleena binti Abdul Rashid	PH-DAP	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
8.	Utara	Perak	Perak Tengah	Pasir Salak	P073	YB Tuan Jamaludin Bin Yahya	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
9.	Utara	Perlis	Negeri Perlis	Arau	P003	YB Dato' Seri Dr. Shahidan Bin Kassim	PN-PAS	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
10.	Timur	Pahang	Maran dan Temerloh	Kuala Krau	P087	YB Tuan Kamal Bin Ashaari	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
11.	Timur	Pahang	Pekan	Pekan	P085	YB Dato' Sri Sh Mohmed Puzi Bin Sh Ali	BN- UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
12.	Timur	Terengganu	Hulu Terengganu	Hulu Terengganu	P038	YB Dato' Rosol Bin Wahid	PN- BERSATU	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
13.	Timur	Kelantan	Kota Bharu	Ketereh	P026	YB Dato' Khilir Bin Mohd Nor	PN	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
14.	Tengah	Selangor	Klang	Kapar	P109	YB Dr. Hajah Halimah Ali	PN-PAS	Dr Thanaraj Murudi
15.	Tengah	Selangor	Klang	Klang	P110	YB Tuan Ganabatirau A/L Veraman	PH-DAP	Dr Thanaraj Murudi

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
16.	Tengah	Selangor	Kuala Selangor	Tg Karang	P095	YB Dato' Dr. Zulkafperi Bin Hanapi	PN	Siti Noraiysah Rohim
17.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Batu	P115	YB Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran	PH-PKR	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
18.	Tengah	Selangor	Sabak Bernam	Sungai Besar	P093	YB Datuk Muslimin Bin Yahaya	PN- BERSATU	Mohamed Daniel Mokhtar
19.	Tengah	Selangor	Shah Alam	Shah Alam	P108	YB Tuan Haji Azli Bin Yusof	PH- AMANAH	Nurul Syaza Mazelan
20.	Tengah	Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Bandar Tun Razak	P124	YB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail	PH-PKR	Nurul Syaza Mazelan
21.	Selatan	Negeri Sembilan	Port Dickson	Port Dickson	P132	YB Dato' Seri Aminuddin Bin Harun	PH-PKR	Siti Noraiysah Rohim
22.	Selatan	Negeri Sembilan	Kuala Pilah	Kuala Pilah	P129	YB Dato' Adnan Bin Abu Hassan	BN- UMNO	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
23.	Selatan	Johor	Tangkak	Ledang	P142	YB Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh	PH-PKR	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
24.	Selatan	Johor	Muar, Tangkak, Segamat	Pagoh	P143	YB Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin Bin Md Yasin	PN- BERSATU	Nurul Syaza Mazelan
25.	Sarawak	Sarawak	Bau dan Lundu	Mas Gading	P192	YB Tuan Mordi Anak Bimol	PH-DAP	Raine Melissa Riman
26.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Mukah (Daerah Mukah dan Daerah Dalat, Daerah Kecil Oya dan Balingian)	Mukah	P213	YB Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
27.	Sarawak	Sarawak	Bahagian Miri (Daerah Subis, Daerah Kecil Niah)	Sibuti	P218	YB Dato Lukanisman Bin Awang Sauni	GPS-PBB	Raine Melissa Riman
28.	Sabah	Sabah	Kota Marudu	Kota Marudu	P168	YB Datuk Wetrom Bin Bahanda	KDM	Nurrul Fazlina Osman

BIL.	ZON/WILAYAH	NEGERI	DAERAH/BAHAGIAN	PARLIMEN	KOD	NAMA AHLI PARLIMEN	PARTI	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
29.	Sabah	Sabah	Sipitang	Sipitang	P178	YB Datuk Matbali Bin Musah	GRS	Nurrul Fazlina Osman
30.	Sabah	Sabah	Kinabatangan dan Tongod	Kinabatangan	P187	YB Datuk Seri Panglima Moktar Bin Radin	BN- UMNO	Nurrul Fazlina Osman

METODOLOGI KAJIAN

Dalam proses pemetaan isu, pihak APPGM-SDG memastikan untuk mendapat persetujuan penuh daripada semua pihak terlibat secara langsung termasuk ahli Parlimen, agensi Kerajaan, dan semua peserta yang terlibat. Kajian ini melalui beberapa proses utama seperti mesyuarat awalan bersama ahli Parlimen, pemprofilan kawasan Parlimen, pra-lawatan, bersama Pegawai Daerah dan agensi Kerajaan, lawatan tapak selama tiga hari, sesi dialog bersama agensi dan pengutamaan isu bersama ahli Parlimen. Proses ini adalah penting untuk memastikan dapatan kajian dikumpul secara kumulatif dari semua pihak berkepentingan.

PROSES PEMETAAN ISU APPGM-SDG



1. MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat awalan melibatkan Ahli Parlimen (MP) dan Pegawai Khas bersama dengan pasukan sekretariat APPGM-SDG mengenai latarbelakang dan gerak kerja APPGM-SDG.



2. SESI PEMPROFILAN KAWASAN PARLIMEN

Perbincangan bersama MP, Pegawai Khas dan Ketua Penyelidik mengenai profil kawasan parlimen



3. PENGLIBATAN DENGAN PEGAWAI AGENSI KERAJAAN (PRA-LAWATAN)

- Pengenalan kepada APPGM-SDG
- Kerjasama bersama Pegawai Daerah berkaitan jempukan sesi dialog bersama agensi kerajaan

4. LAWATAN TAPAK 3 HARI

- Lawatan dan perbincangan bersama komuniti sasaran
- Perbincangan kumpulan fokus (FGD) merangkumi isu sosial, ekonomi dan persekitaran



5. DIALOG ANTARA AGENSI

- Perbincangan berkenaan isu yang dikenalpasti semasa lawatan tapak tiga hari
- Maklum balas dan pandangan daripada agensi terhadap isu ditemui



6. PENGUTAMAAN ISU BERSAMA AHLI PARLIMEN

Perbincangan bersama MP mengenai isu yang dikumpulkan dan mengenalpasti isu utama yang terdesak

7. PROJEK SOLUSI

- Projek dijalankan berdasarkan isu dan perbincangan bersama MP
- Melibatkan penyetempatan SDG
- Fokus terhadap sosial, ekonomi dan persekitaran



Perbincangan yang diadakan di dalam proses ini dirakam secara audio oleh penyelidik untuk tujuan dokumentasi dan penganalisan selanjutnya. Sebelum rakaman dibuat, penyelidik juga akan memaklumkan kepada peserta tujuan rakaman dibuat dan rakaman tersebut disimpan selamat oleh pihak APPGM-SDG dan tidak boleh dikongsi secara terbuka. Maka, laporan-laporan ini dibuat adalah berdasarkan terjemahan daripada perbincangan yang telah diadakan dengan merujuk kepada audio rakaman sebagai data utama.

Kumpulan sasaran ditetapkan berdasarkan perbincangan isu awalan bersama ahli Parlimen dan agensi Kerajaan semasa pemprofilan dan pra-lawatan. Terdapat 41 kumpulan sasaran yang menjadi fokus seperti berikut:

Status Individu		Kaum Minoriti
<ol style="list-style-type: none"> 1. Kumpulan B40 / miskin tegar 2. Penduduk M40 3. Orang kurang upaya (OKU) 4. Ibu / Bapa tunggal 5. Wanita 6. Warga emas 7. Belia 8. Kanak-kanak 9. Warga asing / Pelarian 10. Tiada warganegara 11. Ketua Isi Rumah 		<ol style="list-style-type: none"> 1. Komuniti Cina 2. Komuniti India 3. Komuniti Siam 4. Orang Asli/Asal 5. Komuniti Bugis 6. Komuniti Iban 7. Komuniti Kedayan
Jenis Pekerjaan		Pendidikan
Pertanian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petani 2. Peladang / Peneroka 3. Penoreh 4. Penternak 	<ol style="list-style-type: none"> 1. PIBG Sekolah 2. Pelajar sekolah 3. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) 4. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
Perikanan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Nelayan laut 2. Nelayan darat 	
Perdagangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peniaga 2. Penjaja 3. Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) 4. Pengusaha Homestay 	
Perindustrian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pemilik kilang 	Organisasi / Persatuan
Perkhidmatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Petugas/Penyelia PPDK 2. Veteran ATM dan Polis 3. Penghulu-Penghulu Mukim 4. Pemimpin Tempatan 5. Malim gunung 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Badan bukan kerajaan (NGO) 2. Persatuan Sukarelawan 3. Persatuan Penduduk 4. Koperasi Komuniti

PENEMUAN KESELURUHAN

Daripada hasil penemuan pemetaan isu di semua kawasan Parlimen terpilih bagi tahun 2024, 26 isu tematik utama yang telah dikenal pasti sebelum ini masih relevan apabila terdapat isu dalam terangkuman yang sama dibangkitkan. Secara kolektifnya, antara isu yang terdesak bagi tahun 2024 yang sering diutarakan adalah berkaitan:

1. Kesukaran untuk mengakses sokongan kebajikan Kerajaan, bantuan dan subsidi
2. Masalah infrastruktur telekomunikasi
3. Kelestarian kehidupan penduduk di rumah kos rendah
4. Masalah banjir
5. Akses kepada air bersih dan terawatt
6. Keperluan pembangunan infrastruktur
7. Cabaran pembangunan ekonomi bagi sektor pertanian
8. Cabaran pembangunan belia
9. Tekanan ekonomi semasa kepada individu dan usahawan kecil tempatan
10. Pencemaran alam sekitar

Selain itu, terdapat juga isu-isu baharu yang banyak dibangkitkan dalam pemetaan isu di kawasan Parlimen 2024. Hal ini adalah kerana perubahan tren semasa dalam arus pembangunan memberi impak kepada masyarakat umum. Antara isu-isu baharu ditemui adalah seperti:

1. Keciciran pendidikan bagi pelajar B40, Orang Asal dan Orang Asli
2. Konflik manusia dan haiwan liar
3. Cabaran pendigitalan

Bagi pengkhususan isu utama yang banyak diutarakan mengikut zon dan wilayah adalah seperti yang dijelaskan di dalam Jadual 3.

ZON / WILAYAH	ISU UTAMA
Zon Utara	<ul style="list-style-type: none">• Gejala sosial• Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan• Kos sara hidup yang tinggi• Keciciran Pendidikan• Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas• Masalah banjir• Pencemaran air dan udara

Zon Timur	<ul style="list-style-type: none"> • Kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Infrastruktur yang lemah dalam bidang pertanian • Kurang pengetahuan pemasaran dalam kalangan petani • Kurang kepelbagaian peluang pekerjaan • Penghijrahan ke bandar • Kos sara hidup yang tinggi
Zon Tengah	<ul style="list-style-type: none"> • Birokrasi dan kekurangan maklumat untuk mendapatkan bantuan • Tahap pengurusan untuk kutipan sampah dan penyelenggaraan yang lemah di kawasan rumah kos rendah • Masalah banjir berpunca daripada penyelenggaraan perparitan yang lemah • Gejala sosial yang berkaitan dengan golongan belia
Zon Selatan	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah banjir • Konflik hidupan liar dan manusia • Keciciran pendidikan • Kenaikan kos sara hidup • Kesukaran mendapatkan lesen nelayan • Kekurangan infrastruktur dan kemudahan asas
Wilayah Sabah	<ul style="list-style-type: none"> • Keciciran pendidikan kerana jarak yang jauh ke sekolah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Keperluan sokongan dan bantuan penajaan pendapatan • Pengurusan kutipan sampah yang tidak efisien
Wilayah Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • Kurang penyelenggaraan sistem perparitan menjadi punca banjir • Penyeludupan barang di sempadan • Kualiti perkhidmatan kesihatan yang lemah • Konflik kewarganegaraan kerana kekurangan dokumentasi • Keperluan pembangunan infrastruktur dan utiliti (jalan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik) • Konflik pemilikan tanah • Kemerosotan identiti budaya dan bahasa • Konflik manusia – hidupan liar

BAHAGIAN A

LAPORAN

LAWATAN PEMETAAN ISU

P.052 BAYAN BARU (PULAU PINANG)

31 Mei - 2 Jun 2024 (Jumaat - Ahad)

TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

HARI 1

1. Sesi Dialog bersama Komuniti Nelayan
2. Taklimat bersama Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) berkenaan Projek Pulau Silikon
3. Sesi Dialog bersama Penjaja Pasar Bayan Baru
4. Sesi Dialog bersama Komuniti Penjaja Tanpa Lesen

HARI 2

5. Sesi Dialog bersama Pelajar Sekolah Menengah
6. Sesi Dialog bersama Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)
7. Sesi Dialog bersama Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)
8. Sesi Dialog bersama Komuniti B40
9. Sesi Dialog bersama Belia

HARI 3

10. Sesi Dialog bersama Komuniti NGO dan Persatuan Penduduk
11. Sesi Dialog bersama Komuniti Masyarakat Sungai Ara
12. Sesi Dialog bersama Komuniti Sukarelawan

PASUKAN PENYELIDIK



Aisyah
(Ketua Penyelidik)



Dr Thanaraj




Afiqah

Dengan sokongan
daripada Ahli Parlimen
Bayan Baru,
YB Tuan Sim Tze Tzin

Lawatan tapak telah dijalankan pada 31 Mei - 2 Jun 2024 (Jumaat - Ahad)



01
9 Mei 2024
Mesyuarat Awalan



02
20 Mei 2024
Mesyuarat Profiling



03
23 Mei 2024
Mesyuarat Bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah



06
31 Mei 2024
Taklimat bersama Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) berkenaan Projek Pulau Silikon



05
31 Mei 2024
Sesi Dialog bersama Komuniti Nelayan



04
23 Mei 2024
Mesyuarat Bersama Pegawai Daerah



07
31 Mei 2024
Sesi Dialog bersama Penjaja Pasar Bayan Baru



08
31 Mei 2024
Sesi Dialog bersama Komuniti Penjaja tanpa Lesen



09
1 Jun 2024
Sesi Dialog bersama Pelajar Sekolah Menengah



12
1 Jun 2024
Sesi Dialog bersama Pelajar IPTS



11
1 Jun 2024
Sesi Dialog bersama Pelajar IPTA



10
1 Jun 2024
Sesi Dialog bersama Komuniti B40



13
1 Jun 2024
Sesi Dialog bersama Belia



14
2 Jun 2024
Sesi Dialog bersama Komuniti NGO dan Persatuan Penduduk



15
2 Jun 2024
Sesi Dialog bersama Komuniti Masyarakat Sungai Ara



16
2 Jun 2024
Sesi Dialog bersama Komuniti Sukarelawan



9 Mei 2024 - Mesyuarat Awalan

Mesyuarat awalan bersama YB Tuan Sim Tze Tzin (Ahli Parlimen Bayan Baru) serta Pegawai penyelidiknya Puan Lim Hui Ying di Intermark, Kuala Lumpur. YB Tuan Sim Tze Tzin bersetuju untuk tarikh lawatan tapak bagi parlimen Bayan Baru pada 31 Mei sehingga 2 Jun 2024. Wakil APPGM-SDG yang turut bersama Dr. Thanaraj, Cik Aisyah dan Encik Muhammad Afham Afif.



20 Mei 2024 - Mesyuarat Profiling

Mesyuarat profiling bagi Parlimen Bayan Baru telah diadakan secara dalam talian. Sesi ini telah dihadiri oleh Pegawai Khas bagi Parlimen Bayan Baru iaitu En. Chan Soon Aun dan En. Aidil bertujuan untuk mendapatkan profil tempatan dan mengenalpasti isu-isu setempat. Aturcara tentatif bagi lawatan (site visit) juga telah dibincangkan dan tarikh lawatan tapak yang telah dipersetujui iaitu 31 Mei - 2 Jun 2024.



23 Mei 2024 - Mesyuarat Bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah

Mesyuarat bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan), Tuan Mohamad Azhar. Sesi ini turut dihadiri oleh Penolong Pembangunan Daerah, Puan Afikah, dan Penghulu Kanan. Bagi Parlimen Bayan Baru, DUN Batu Uban adalah di bawah kawasan Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut. Perbincangan ini terjurus kepada lawatan pemetaan isu Parlimen Bayan Baru pada 31 Mei 2024 sehingga 2 Jun 2024 dan isu-isu setempat bagi DUN Batu Uban.



23 Mei 2024 - Mesyuarat Bersama Pegawai Daerah

Dr. Thanaraj dan Cik Aisyah telah menghadiri satu mesyuarat bersama Pegawai Daerah, Tuan Mohd Hafiz Aswad Nadzri. Sesi ini turut dihadiri oleh tiga orang Penghulu kawasan yang melibatkan Kg Sungai Ara, Batu Maung, dan Pantai Jerejak. Perbincangan ini terjurus kepada pengenalan APPGM-SDG, tujuan lawatan pemetaan isu di Parlimen Bayan Baru pada 31 Mei 2024 sehingga 2 Jun 2024. Pegawai Daerah juga akan mempengerusikan mesyuarat inter-agensi bagi Parlimen Bayan Baru pada tarikh yang akan ditetapkan kelak.



1: Sesi Dialog bersama Komuniti Nelayan

FGD 1 bersama Komuniti Nelayan telah dihadiri seramai 15 orang di Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan, Permatang Damar Laut. Antara isu yang telah diketengahkan adalah berkenaan **(1)** Pengagihan bantuan yang tidak adil, **(2)** Harga jualan hasil tangkapan tidak tetap **(3)** Pertindahan maklumat/ maklumat yang tidak lengkap, **(4)** Kos pukut dan peralatan menangkap ikan meningkat, **(5)** Isu pencerobohan nelayan pukut tunda/pukut harimau.



2: Taklimat Bersama Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) berkenaan Projek Pulau Silikon

Kumpulan penyelidik diberi taklimat berkenaan dengan Projek Pulau Silikon yang sedang dibina oleh pihak (*Silicon Island Development*) SID. Pulau Silikon ini merupakan projek tebus guna tanah (*Land Reclamation*) pertama di Malaysia.



3: Sesi Dialog bersama Penjaja Pasar Bayan Baru

FGD 2 bersama Komuniti Penjaja Pasar Bayan Baru telah dihadiri seramai 15 orang di Pasar Bayan Baru. Antara isu yang telah diketengahkan adalah berkenaan **(1)** Isu kucing liar yang semakin meningkat, **(2)** Isu penyelenggaraan dan kebersihan kawasan pasar besar bayan baru, **(3)** Masalah parking untuk pengunjung pasar yang tidak mencukupi, **(4)** Isu gelandangan yang menumpang tidur di depan pasar turut menimbulkan ketidaksenangan hati penjaja dan pengunjung.



4: Sesi Dialog bersama Komuniti Penjaja tanpa Lesen

FGD 3 bersama Komuniti Penjaja Tanpa Lesen di Warung Bakri. Antara isu yang telah diketengahkan adalah berkenaan **(1)** Isu Kekurangan Parking, **(2)** Isu Kebanjiran Warga Asing, **(3)** Kesesakan Lalu Lintas, **(4)** Harga saman (kompau) MBPP sangat rendah.



5: Sesi Dialog bersama Pelajar Sekolah Menengah

FGD 4 bersama Komuniti Pelajar Sekolah Menengah di Pusat Khidmat YB Sim Tze Tzin seramai 8 orang. Antara isu yang telah diketengahkan adalah berkenaan **(1)** Isu kesesakan lalu lintas di hadapan sekolah, **(2)** Isu vape di kalangan pelajar sekolah, **(3)** Isu gangguan seksual di antara pelajar, **(4)** Fasiliti sekolah kurang memuaskan (tandas, padang sekolah dan kelas), **(5)** Isu kekurangan guru bagi subjek khusus.



6: Sesi Dialog bersama Pelajar IPTS

FGD 5 bersama Komuniti Pelajar IPTS di Pusat Khidmat YB Sim Tze Tzin seramai 3 orang. Antara isu yang telah diketengahkan adalah berkenaan **(1)** Isu kesesakan lalu lintas, **(2)** Tidak mempunyai minat terhadap subjek STEM, **(3)** Perkhidmatan bas dalaman kurang sehingga perlu membuat, **(4)** Kurang pendedahan tentang isu semasa (*silicon island*).



7: Sesi Dialog bersama Pelajar IPTA

FGD 6 bersama Komuniti Pelajar IPTA di Pusat Khidmat YB Sim Tze Tzin seramai 10 orang. Antara isu yang telah diketengahkan adalah berkenaan **(1)** Isu peluang pekerjaan perlu dipertingkatkan, **(2)** Kos pembelajaran tinggi, **(3)** Kurang pendedahan terhadap mata pelajaran bahasa isyarat dan bahasa braille, **(4)** Pendedahan terhadap ilmu keusahawanan tinggi.



8: Sesi Dialog bersama Komuniti B40

FGD 7 bersama Komuniti B40 di Dewan MPKK Sg Nibong Besar seramai 29 orang. Antara isu yang telah diketengahkan adalah berkenaan **(1)** Isu warga asing, **(2)** Isu kucing dan anjing liar, **(3)** Permohonan bantuan yang rumit, **(4)** Harga rumah tinggi, **(5)** Masalah lalu lintas (*jammed*).



9: Sesi Dialog bersama Belia

FGD 8 bersama Belia di Cafe Proton Vivahill seramai 3 orang. Antara isu yang telah diketengahkan adalah berkenaan **(1)** Isu gaji yang ditawarkan rendah, **(2)** Kurang kemahiran dan pengalaman di dalam kalangan belia untuk mendapatkan pekerjaan, **(3)** Golongan belia lebih selesa tinggal di dalam comfort zone (*gig economy*).



10: Sesi Dialog bersama Komuniti NGO dan Persatuan Penduduk

FGD 9 bersama Komuniti NGO dan Persatuan Penduduk di Dewan Jalan Tengah Selatan seramai 19 orang. Antara isu yang telah diketengahkan adalah berkenaan **(1)** Isu penduduk tidak memberikan kerjasama dengan persatuan penduduk, **(2)** Isu penyelenggaraan kawasan rumah flat, **(3)** Lambakan warga asing - membawa pengaruh negatif.



11: Sesi Dialog bersama Komuniti Masyarakat Sungai Ara

FGD 10 bersama Komuniti Masyarakat Sg Ara di Balai Raya Komuniti Sg Ara seramai 3 orang. Antara isu yang telah diketengahkan adalah berkenaan **(1)** Isu penggunaan Ketum dan dadah, **(2)** Isu aktiviti rempit di kalangan golongan belia, **(3)** Isu denggi, **(4)** Penduduk tidak membayar yuran penyelenggaraan sehingga menyebabkan tunggakan yang tinggi.



12: Sesi Dialog bersama Komuniti Sukarelawan


FGD 11 bersama Komuniti Sukarelawan di Bomba Sukarela Batu Maung seramai 11 orang. Antara isu yang telah diketengahkan adalah berkenaan **(1)** Isu jalan raya - tidak mempunyai garisan putih dan lampu jalan, **(2)** Isu banjir kilat, **(3)** Isu denggi.

BAHAGIAN B

LAPORAN PEMETAAN ISU

P.052 BAYAN BARU (PULAU PINANG)

1.0 PENGENALAN

<p><i>Kajian pemetaan isu bagi tahun 2024 di Parlimen Bayan Baru ini diadakan dengan usahasama daripada YB Tuan Sim Tze Tzin dari Parti Keadilan Rakyat (PKR)</i></p>		 <p>YB Tuan Sim Tze Tzin</p>																								
Parlimen	P 052																									
Kawasan	Bayan Baru																									
Negeri	Pulau Pinang																									
Jumlah penduduk	188,603 orang																									
	<table border="1"> <thead> <tr> <th>BIL.</th> <th>KAUM</th> <th>BIL.</th> <th>% BIL.</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Bumiputera</td> <td>79,968</td> <td>42.4</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Cina</td> <td>89,586</td> <td>47.5</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>India</td> <td>17,351</td> <td>9.2</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Lain_lain</td> <td>1697</td> <td>0.9</td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: center;">JUMLAH KESELURUHAN</td> <td>188,603</td> <td>100.00</td> </tr> </tbody> </table>		BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.	1.	Bumiputera	79,968	42.4	2.	Cina	89,586	47.5	3.	India	17,351	9.2	4.	Lain_lain	1697	0.9	JUMLAH KESELURUHAN		188,603	100.00
BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.																							
1.	Bumiputera	79,968	42.4																							
2.	Cina	89,586	47.5																							
3.	India	17,351	9.2																							
4.	Lain_lain	1697	0.9																							
JUMLAH KESELURUHAN		188,603	100.00																							
	<p>Sumber: Statistik Subnasional Parlimen Dan Dun - Parlimen Bayan Baru, Pulau Pinang, Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020.</p>																									
Kegiatan ekonomi utama	<ul style="list-style-type: none"> • Pembuatan dan Perindustrian: Kawasan ini menempatkan Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas (FIZ), yang menjadi tumpuan syarikat multinasional dalam industri elektronik dan pembuatan. Syarikat seperti Intel, AMD, dan Hewlett-Packard telah lama beroperasi di sini, menjadikan kawasan ini sebagai hab pembuatan elektronik yang penting. • Perkhidmatan dan <i>Outsourcing</i>: Bayan Baru telah berkembang sebagai pusat perkhidmatan perniagaan dan <i>outsourcing</i>. 																									
Pasukan kajian	<ol style="list-style-type: none"> 1. Siti Noraiysah bt Rohim: Ketua Penyelidik 2. Dr. Thanaraj Murudi: Pembantu Penyelidik 3. Afiqah bt Abdul Malik: Pembantu Penyelidik 4. Zariz: Pembantu Penyelidik 																									

2.0 PEMETAAN ISU

Terdapat 11 FGD dan 1 lawatan tapak telah dijalankan bersama komuniti tempatan dan NGO selama 3 hari di kawasan lokaliti Parlimen Bayan Baru dan 2 sesi dialog dijalankan bersama agensi kerajaan selama setengah hari di Pejabat Daerah dan Tanah Timur Laut dan Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya.

TARIKH	PERKARA
31 Mei 2024 , Jumaat	<ul style="list-style-type: none">• Dialog Bersama Komuniti Nelayan• Taklimat Bersama Pusat Perkhidmatan Setempat Nelayan (PPSN) berkenaan Projek Pulau Silikon• Dialog Bersama Penjaja Pasar Bayan Baru• Dialog Bersama Komuniti Pejaja Tanpa Lesen
1 Jun 2024 , Sabtu	<ul style="list-style-type: none">• Dialog Bersama Pelajar Sekolah Menengah• Dialog Bersama Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)• Dialog Bersama Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)• Dialog Bersama Komuniti B40• Dialog Bersama Belia
2 Jun 2024 , Ahad	<ul style="list-style-type: none">• Dialog Bersama Komuniti NGO dan Persatuan Penduduk• Dialog Bersama Komuniti Masyarakat Sungai Ara• Dialog Bersama Komuniti Sukarelawan
22 Julai 2024 , Isnin 23 Julai 2024 , Selasa	<ul style="list-style-type: none">• Dialog bersama Agensi Kerajaan

PENEMUAN KAJIAN

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
ISU SOSIAL			
Kesesakan lalu lintas	<ul style="list-style-type: none"> Seluruh penduduk di Parlimen Bayan Baru 	<ul style="list-style-type: none"> Penduduk setempat menghadapi masalah kesesakan lalu lintas yang ketara, terutamanya pada waktu pagi dan petang, meskipun laluan sedia ada adalah <i>single carriageway</i> dengan empat lorong. 	<p>Majlis Bandaraya Pulau Pinang:</p> <ol style="list-style-type: none"> Peniaga tanpa lesen: Penguatkuasaan 24 jam sekiranya terdapat aduan daripada penduduk, Majlis akan hadir dan menyelesaikan isu tersebut Masalah tempat letak kenderaan memang berlaku dan pihak Majlis sedaya upaya memaksimumkan penggunaan tempat letak kenderaan, untuk menyediakan tempat letak kenderaan yang sewajarnya kepada penduduk.
		<ul style="list-style-type: none"> Kesesakan lalulintas turut berpunca daripada meletakkan kenderaan di luar rumah dan lambakan peniaga di bahu jalan. 	
Masalah tempat letak kenderaan	<ul style="list-style-type: none"> Penduduk Bayan Baru 	<ul style="list-style-type: none"> Penduduk setempat di kawasan Bayan Baru menghadapi masalah kekurangan tempat letak kereta, yang tidak mencukupi untuk menampung jumlah kenderaan yang ada. Kenderaan sering kali diletakkan di kiri dan kanan bahu jalan. 	<p>Majlis Bandaraya Pulau Pinang: (Sesi IAD 2):</p> <ol style="list-style-type: none"> Kesesakan lalu lintas di Bayan Baru, sebagai bandar satelit Pulau Pinang sejak era 80-an, berpunca daripada tekanan pembangunan yang kini memberi impak besar. Pada masa itu, isu SDG belum muncul, dan polisi seperti satu rumah dua tempat letak kereta diterapkan. Dengan kadar faedah pembelian kereta yang rendah, jumlah pemilikan kenderaan meningkat. Statistik JPJ menunjukkan pendaftaran

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>kenderaan di Pulau Pinang mencecah ribuan setiap hari. Sebagai pusat pembangunan ekonomi wilayah, migrasi penduduk turut menyumbang kepada isu trafik</p> <p>3. Kajian dalam pelan induk Pulau Pinang telah dibuat dan pelaksanaan rancangannya diharapkan dapat menyelesaikan masalah ini.</p>
Fasiliti sekolah kurang memuaskan	<ul style="list-style-type: none"> ● Pelajar SMK Bukit Jambul 	<ul style="list-style-type: none"> ● Fasiliti sekolah, terutamanya untuk kegunaan sukan di SMK Bukit Jambul, berada pada tahap yang kurang memuaskan. ● Sebagai contoh, kemudahan seperti hoop bola keranjang rosak dan keadaan padang sekolah yang tidak rata. 	<p>Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut: Tiada permintaan daripada SMK Bukit Jambul berkenaan fasiliti</p>
Kekurangan tenaga pengajar berkemahiran bagi subjek khusus	<ul style="list-style-type: none"> ● Pelajar SMK Bukit Jambul 	<ul style="list-style-type: none"> ● SMK Bukit Jambul menghadapi kekurangan tenaga pengajar yang mahir dalam subjek Bahasa Isyarat dan Bahasa Braille, yang merupakan keperluan penting dalam pendidikan khas. 	<p>Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut: Tidak ada penempatan pelajar pendidikan khas di SMK Bukit Jambul dan ditempatkan di sekolah-sekolah tertentu. Contohnya SMK Sungai Nibong</p>
Penggunaan rokok elektronik/vape	<ul style="list-style-type: none"> ● Pelajar sekolah ● SMJK Phor Tay 	<ul style="list-style-type: none"> ● Di SMJK Phor Tay, terdapat isu penggunaan <i>vape</i> dalam kalangan pelajar. 	<p>Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut: Dimana-mana sekolah memang ada masalah <i>vape</i>.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
dalam kalangan pelajar		<ul style="list-style-type: none"> Hukuman yang diberikan oleh pihak sekolah adalah larangan ke sekolah selama seminggu dan penolakan 20 markah penalti, namun langkah ini belum membuahkan hasil sepenuhnya dalam mengekang masalah tersebut. 	<p>Terdapat hukuman untuk masalah ini seperti memanggil ibu bapa ke sekolah, gantung sekolah dan lain-lain.</p> <p>Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut: Kes penggunaan <i>vape</i> yang dilaporkan secara rasmi adalah sangat kurang dan tidak serius.</p>
Keadaan buku teks yang daif	<ul style="list-style-type: none"> SMJK Phor Tay 	<ul style="list-style-type: none"> Di SMJK Phor Tay, keadaan buku teks percuma yang disediakan memerlukan perhatian kerana kebanyakannya dalam keadaan yang tidak memuaskan 	<p>Pejabat Pendidikan Daerah Timur Laut: Sebarang masalah buku teks di bawah tanggungjawab guru SBT untuk baik pulih. Jika buku teks dalam keadaan daif, tidak akan diberi kepada pelajar.</p>
Keadaan kelas kurang pengudaraan	<ul style="list-style-type: none"> SMJK Phor Tay 	<ul style="list-style-type: none"> Bilik darjah sering kali menjadi panas dan kurang pengudaraan yang mencukupi. Kekurangan kipas yang menyebabkan pembelajaran menjadi tidak selesa. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>
Pengabaian penggunaan optimum gerai perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> Penjaja tempatan Kawasan Astaka (Medan Makan), Pasar 	<ul style="list-style-type: none"> Penyalahgunaan ruang perniagaan – Gerai yang sepatutnya digunakan untuk jualan aktif hanya digunakan sebagai tempat penyimpanan barang (kedai B5) 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<p>Besar Bayan Baru</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kegagalan mematuhi waktu operasi – Peniaga tidak mematuhi waktu operasi yang ditetapkan, menyebabkan ruang perniagaan terbiar kosong. • Kegagalan memenuhi tujuan perniagaan – Peniaga yang tidak menjual barangan yang sepatutnya seperti yang ditetapkan (contohnya, menjual minuman tetapi tidak berlaku). 	
<p>Persaingan tidak sihat akibat produk yang serupa</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penjaja tempatan kawasan Astaka (Medan Makan), Pasar Besar Bayan Baru 	<ul style="list-style-type: none"> • Ramai penjaja di Astaka menjual makanan yang hampir sama tanpa identiti atau niche tersendiri, menyebabkan persaingan yang tidak seimbang dan mengurangkan variasi pilihan untuk pengguna. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>
<p>Cabaran penyelenggaraan dan pengurusan fasiliti di Astaka</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Penjaja tempatan kawasan Astaka (Medan Makan), Pasar 	<ul style="list-style-type: none"> • Ketiadaan sistem pengurusan peralatan makanan yang sistematik di astaka, seperti pengasingan <i>tray</i> halal dan tidak halal, mencetuskan masalah kebersihan. 	<p>Majlis Pemandaran Pulau Pinang: 1. Tidak timbul isu perkongsian atau percampuran antara kedua-duanya kerana terdapat pengasingan segmen halal dan <i>non-halal</i> dengan jelas.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<p>Besar Bayan Baru</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tahap penyelenggaraan Kompleks Astaka Pasar Besar Bayan Baru tidak memuaskan, termasuk kebersihan lantai, kawalan serangga, dan longkang yang hanya dibersihkan tiga bulan sekali. • Kebocoran bumbung menyebabkan gerai menghadapi masalah tempas hujan, menjejaskan perniagaan. • Sistem pengudaraan di astaka perlu diperbaiki dengan penambahan kipas, terutama di sisi tepi Astaka. • Kekurangan meja dan kerusi untuk peniaga serta tong sampah yang kecil menambah kepada kesulitan pengurusan sampah. 	
<p>Kehadiran gelandangan di kawasan awam</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Astaka (Medan Makan), Pasar Besar Bayan Baru 	<ul style="list-style-type: none"> • Gelandangan menetap di kawasan pasar mengganggu penampilan dan kebersihan, walaupun mereka tidak mengganggu pengunjung secara langsung. 	<p><i>Tiada ulasan diberikan oleh mana-mana agensi berkenaan isu ini.</i></p>
<p>Masalah lumba haram/ rempit</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Belia 	<ul style="list-style-type: none"> • Golongan belia cenderung terlibat dalam aktiviti lumba haram untuk 	<p>Ibu Pejabat Polis (IPD)Timur Laut:</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Pengguna jalan raya 	<p>menunjukkan bakat mereka dengan cara yang salah, kerana tiada kemudahan yang sesuai untuk menggilap kemahiran permotoran mereka.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Remaja lepasan SPM sering dikaitkan dengan masalah rempit • Pihak polis sentiasa melakukan serbuan mingguan di kawasan kampung seperti Kg Baru Sg Ara, Bayan Baru. 	<p>Kebanyakan yang terlibat dengan rempit adalah golongan lepasan sekolah. Mereka bukan sahaja datang daripada penduduk di Pulau Pinang, tetapi negeri sempadan juga (Kedah).</p> <p>Ibu Pejabat Polis (IPD) Barat Daya:</p> <p>Di kawasan Bayan Baru, terdapat tiga lokasi utama yang dikenal pasti sering digunakan untuk aktiviti lumba haram: di Seagate Highway, di bulatan Bayan Baru, dan di jalan lurus lama berdekatan kawasan tertentu. Para pelumba hanya memerlukan trek lurus sekitar 100-meter untuk berlumba, dan satu kilometer sudah memadai bagi mereka. Masalah utama adalah penonton yang datang, membuat bising dengan memulas enjin motosikal dan mengganggu ketenteraman awam.</p> <p>PDRM telah mengambil tindakan berulang dengan menetapkan roadblock setiap malam Sabtu dan Ahad di tiga lokasi ini.</p>
Keadaan jalan yang berlubang	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk Pangsapuri Mahsuri, Bayan Baru 	<ul style="list-style-type: none"> • Isu berkaitan jalan iaitu kondisi jalan juga didapati banyak rosak/berlubang terutama di kawasan kilang sehingga 	

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>membahayakan harta benda dan nyawa.</p> <ul style="list-style-type: none"> Jalan raya ini sering diperbaiki namun kembali rosak lantaran tiada kawalan tegas ke atas kenderaan berat yang terus menerus menggunakan jalan tersebut sedangkan ia merupakan satu kesalahan. 	
Ketiadaan garisan jalan raya	<ul style="list-style-type: none"> Pengguna jalanraya Penduduk setempat Bulatan South Bay, berdekatan pejabat Mahsing 	<ul style="list-style-type: none"> Jalan di bulatan South Bay, berhampiran pejabat Mahsing, tidak mempunyai garisan jalan yang jelas, menyebabkan kemalangan jalan raya yang kerap melibatkan penduduk tempatan serta pelancong luar yang tidak biasa dengan kawasan tersebut. 	<i>Tiada ulasan diberikan oleh mana-mana agensi berkenaan isu ini.</i>
Masalah perancangan bandar	<ul style="list-style-type: none"> Pangsapuri Mahsuri, Bayan Baru 	<ul style="list-style-type: none"> Pertumbuhan pembangunan di Bayan Baru menyebabkan kesesakan lalu lintas dan perancangan bandar yang tidak lestari, menjejaskan kualiti hidup penduduk. 	<i>Tiada ulasan diberikan oleh mana-mana agensi berkenaan isu ini.</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Penyalahgunaan dadah dan ketum	<ul style="list-style-type: none"> Kampung Sg Ara (Dewan Kg Baru Sg.Ara) 	<ul style="list-style-type: none"> Kampung Sg Ara memang sudah diklasifikasi sebagai kawasan merah atau "<i>red area</i>" berkaitan dadah dan penyalahgunaan ketum. 	<p>Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Barat Daya:</p> <ol style="list-style-type: none"> Kawasan Sungai Ara dikenal pasti sebagai kawasan berisiko tinggi (KBT) dan telah diperkukuhkan dengan program pencegahan serta penguatkuasaan yang berterusan. Pindaan undang-undang terkini membolehkan tindakan diambil terhadap penggunaan ketum, memudahkan penguatkuasaan yang lebih tegas. PDRM bekerjasama erat dalam operasi penguatkuasaan untuk mengawal aktiviti penagihan dadah dan jenayah yang berkaitan. Kempen berkaitan bahaya penyalahgunaan dadah dan ketum telah dilaksanakan melalui pelbagai medium, termasuk pertemuan komuniti dan media massa. Anjung Komuniti ditubuhkan sebagai pusat sehenti di Sungai Ara untuk memberi maklumat dan menerima aduan daripada penduduk mengenai aktiviti penagihan dadah. Majlis Tindakan Membasmi Dadah di peringkat daerah telah diwujudkan dan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah (DO) bagi membincangkan strategi terbaik untuk menangani isu ini.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Lambakan warga asing	Penghuni Pangsapuri Mayang Pasir, Bayan Baru	<ul style="list-style-type: none"> • Kebanyakan pemilik rumah di kawasan Pangsapuri Mayang Pasir, Bayan Baru banyak memberi sewa kepada warga asing yang bercampur dengan PATI dengan kadar sewaan yang diterima lebih tinggi (warga tempatan: RM1000-RM1200, warga asing: RM2000-RM2500) • Persaingan dalam pekerjaan dimana warga asing bukan hanya bekerja kilang, namun ada yang telah membuka perniagaan. 	<p>Jabatan Tenaga Kerja (JTK):</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tidak pernah lagi terima laporan mengenai percampuran warga asing yang bekerja dengan golongan PATI yang tinggal bersama. 2. Merujuk kepada rumah sewa, kerajaan negeri Pulau Pinang memang telah menetapkan kawasan-kawasan tertentu sahaja yang dibenarkan untuk dijadikan tempat penginapan warga asing. 3. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan bahawa penginapan untuk pekerja asing hanya dibenarkan di kawasan komersial dan industri. 4. Bagi kawasan pangsapuri atau rumah teres, syarat penginapan pekerja asing perlu mematuhi garis panduan (GP) yang telah ditetapkan, seperti satu blok yang disewa secara keseluruhan, melainkan ada kebenaran khas daripada pihak berkuasa tempatan (PBT). 5. Syarikat yang ingin menyewakan penempatan untuk pekerja asing perlu mendapatkan kebenaran daripada Majlis Bandaraya dan memastikan permohonan mereka disemak oleh Jabatan Tenaga Kerja (JTK).

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>6. Penginapan pekerja asing yang tidak mempunyai sijil kelulusan daripada pihak berkuasa akan dianggap tidak mematuhi peraturan.</p> <p>7. Isu Penghuni Tanpa Izin (PATI)</p>
Ketiadaan bantuan kepada ibu tunggal	<ul style="list-style-type: none"> ● Asnaf ● Ibu Tunggal 	<ul style="list-style-type: none"> ● Ramai ibu tunggal terpaksa bekerja walaupun usia semakin lanjut untuk menampung kehidupan. ● Sebilangan ibu tunggal tidak mendapat bantuan kerana kekurangan maklumat mengenai proses permohonan. ● Ibu tunggal yang ditinggalkan sukar memperoleh bantuan JKM dan perlu memohon kelonggaran. 	<p>Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Barat Daya:</p> <p>Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tidak menyediakan bantuan khusus untuk ibu atau bapa tunggal semata-mata berdasarkan status mereka. Sebaliknya, bantuan diberikan kepada keluarga yang memenuhi kriteria tertentu, terutamanya yang berpendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).</p>
Keciciran dalam pelajaran	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk Sg Nibong ● MPKK Sg Nibong Besar ● Ibu Tunggal ● Pelajar sekolah ● Asnaf 	<ul style="list-style-type: none"> ● Isu ponteng sekolah dalam kalangan anak asnaf, khususnya anak-anak ibu tunggal, masih membimbangkan ● Walaupun ada yang mendapat bantuan zakat, terdapat anak-anak ibu tunggal yang tidak bersekolah. 	<p><i>Tiada ulasan diberikan oleh mana-mana agensi berkenaan isu ini.</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Permohonan bantuan JKM yang rumit	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat 	<ul style="list-style-type: none"> • Proses permohonan bantuan JKM sering kali rumit disebabkan peraturan yang ketat. • Seorang penerima menyatakan walaupun berstatus OKU, beliau dinafikan bantuan hanya kerana isteri dan anak sudah bekerja. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>
		<ul style="list-style-type: none"> • Bantuan seperti kerusi roda yang diberikan kadangkala tidak sesuai dengan keperluan penerima. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>
Lambakan kereta usang/lama	Kawasan Pangsapuri Mahsuri dan Taman Seri Delima.	<ul style="list-style-type: none"> • Perlu ada langkah proaktif untuk menangani masalah lambakan kereta usang di Pangsapuri Mahsuri dan Taman Seri Delima. • Kereta lama yang ditinggalkan tidak dilupuskan dan menjadi tempat penyimpanan tidak sah. • Aduan telah dibuat kepada MBPP, namun proses pengambilan kereta terbatas kerana kekangan tapak pelupusan. • Terdapat kira-kira 100 motor terbengkalai di Taman Seri Delima, 	<p>Majlis Bandaraya Pulau Pinang:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pihak Majlis akan mengambil tindakan berdasarkan aduan yang diterima dan kawasan di bawah Majlis sahaja. 2. Kekangan Majlis adalah tempat letak kenderaan untuk penyimpanan kereta lama/usang semua agak terhad (2 sahaja) dan proses melupuskan kereta tersebut agak lama. <p>Pusat Khidmat Ahli Parlimen Bayan Baru:</p> <p>Cadangan menarik kereta usang yang telah tamat <i>roadtax</i>. Namun cabaran dari segi kekangan masa dan tempat.</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		yang memerlukan perhatian segera.	
ISU EKONOMI			
Ketidakseimbangan dalam peluang pekerjaan dan gaji ditawarkan	<ul style="list-style-type: none"> ● Belia ● Pelajar universiti ● Pelajar lepasan universiti 	<ul style="list-style-type: none"> ● Pelajar dan belia menghadapi peluang pekerjaan yang rendah mengikut jurusan yang diambil, memaksa mereka untuk mencari pekerjaan di luar bidang pengajian mereka. ● Walaupun peluang pekerjaan tersedia tetapi gaji tidak setimpal, mendorong graduan ke pekerjaan gig seperti penghantaran makanan. ● Pendapatan yang rendah dan tidak seimbang dengan kos sara hidup yang meningkat. ● Penduduk tempatan kurang berminat bekerja di sektor makanan kerana gaji yang rendah. 	<p>Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya:</p> <p>Peluang pekerjaan dilihat sebagai isu umum yang sukar ditangani dengan penyelesaian spesifik, dan masyarakat perlu berdikari untuk mengatasi cabaran ini. Walaupun terdapat bantuan kerajaan, tiada penyelesaian holistik yang tersedia buat masa ini.</p>
Kos sewa dan memiliki rumah yang tinggi	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk setempat ● Belia 	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk setempat sukar memiliki rumah kerana harga yang tinggi berbanding pendapatan. 	<p>Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya:</p> <p>1. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah berusaha menyediakan rumah mampu milik dengan harga</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Kos perumahan di Pulau Pinang adalah antara yang tertinggi di Malaysia. • Rumah kos rendah bernilai sekitar RM42,000, manakala sewa rumah paling rendah mencecah RM700. • Sewa untuk rumah wakaf bagi asnaf juga tinggi dan terhad kepada tempoh tertentu. 	<p>di bawah RM300,000, berbanding dengan negeri lain yang lebih tinggi.</p> <p>2. Projek Perumahan Rakyat (PPR) menyediakan rumah sewa pada kadar rendah (sekitar RM124 sebulan), tetapi permintaan sangat tinggi dan bekalan terhad, terutamanya di kawasan Georgetown.</p> <p>3. Perancangan sedang dibincangkan untuk menyediakan lebih banyak rumah mampu milik dan rumah di bawah program PPR di kawasan seperti Bayan Baru, dengan harapan untuk memenuhi permintaan penduduk yang tinggi.</p>
Kenaikan harga barang	<ul style="list-style-type: none"> • Seluruh penduduk di Parlimen Bayan baru • Pelajar universiti 	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk, pelajar universiti dan masyarakat di Parlimen Bayan Baru terkesan dengan peningkatan harga barang 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i>
	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga berlesen 	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga di Pasar Besar Bayan Baru menghadapi kesukaran 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		mengekalkan kualiti makanan kerana harga bahan mentah meningkat.	
Kenaikan kos air dan kos elektrik	<ul style="list-style-type: none"> Ibu bapa DUN Batu Uban 	<ul style="list-style-type: none"> Penduduk setempat turut merasakan kesan daripada kenaikan mendadak harga bil air dan elektrik, yang membebankan. Peningkatan kos ini dilaporkan mencapai antara 150% hingga 200%. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan</i>
Peralatan/ kelengkapan menangkap ikan yang mahal	<ul style="list-style-type: none"> Nelayan Permatang Tepi Laut 	<ul style="list-style-type: none"> Harga peralatan menangkap ikan tinggi, sedangkan subsidi tidak mencukupi. Kos pukut meningkat dari RM40 ke RM110, manakala kos membaik pulih sampan boleh mencecah RM3000. 	<p>Pejabat Perikanan Daerah Barat Daya/Timur Laut:</p> <p>Harga peralatan menangkap ikan tidak dapat dikawal sepenuhnya oleh pihak jabatan. Walau bagaimanapun, nelayan boleh mendapatkan bantuan peralatan melalui program yang dianjurkan oleh pihak seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kebangsaan (PNK).</p>
Pencerobohan zon tangkap ikan	<ul style="list-style-type: none"> Nelayan Permatang Tepi Laut 	<ul style="list-style-type: none"> Nelayan laut dalam menyalahgunakan lesen dengan menangkap ikan di kawasan pantai. Kehadiran mereka mencuri hasil tangkapan nelayan kecil dan menjejaskan pendapatan. 	<p>Pejabat Perikanan Daerah Barat Daya/Timur Laut:</p> <p>1. Penguatkuasaan pencerobohan oleh bot-bot dengan lesen B dan C dilakukan melalui rondaan harian oleh pihak berkuasa perikanan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> Masalah ini berlarutan walaupun laporan telah dibuat, namun tindakan tegas masih kurang. 	<ol style="list-style-type: none"> Nelayan yang didapati melanggar peraturan akan dikenakan tindakan seperti kompaun dan penggantungan lesen. Nelayan tempatan digalakkan untuk mengambil video atau bukti pencerobohan bagi memudahkan tindakan penguatkuasaan.
Penggunaan pukot tunda/harimau	<ul style="list-style-type: none"> Nelayan Permatang Tepi Laut 	<ul style="list-style-type: none"> Nelayan laut dalam mencuri hasil tangkapan di kawasan pantai dengan pukot harimau. Pukot tunda merosakkan ekosistem kerana digunakan di perairan cetek dan memusnahkan habitat ikan. Populasi ikan menurun akibat pukot yang menangkap ikan tanpa mengira saiz. 	<p>Pejabat Perikanan Daerah Barat Daya/Timur Laut:</p> <p>Jabatan Perikanan sedang melaksanakan program penghapusan pukot tunda secara berperingkat.</p>
Ketiadaan harga siling/tetap bagi penjualan hasil tangkapan ikan	<ul style="list-style-type: none"> Nelayan Permatang Tepi Laut 	<ul style="list-style-type: none"> Hasil tangkapan nelayan kurang memberi pulangan yang setimpal. Harga ikan bergantung kepada pasaran dan menguntungkan peraih/orang tengah. Ketiadaan harga siling oleh kerajaan memburukkan keadaan. 	<p>Pejabat Perikanan Daerah Barat Daya/Timur Laut:</p> <p>Penetapan harga hasil tangkapan bergantung kepada unit jualan dan pasar nelayan. Pengurusan harga ini lebih dikendalikan oleh pihak berkaitan yang menguruskan penjualan ikan dan hasil laut di pasaran.</p> <p>Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM):</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			Terdapat harga siling bagi hasil tangkapan dan insentif yang diberikan adalah 10 sen bagi setiap kilogram tangkapan, dengan had maksimum tertentu. Ini kadangkala menimbulkan masalah, kerana nelayan tidak melaporkan tangkapan yang melebihi had untuk mendapatkan insentif penuh.
Ketidakseimbangan bantuan kerajaan kepada nelayan dengan kos sara hidup terkini	<ul style="list-style-type: none"> ● Nelayan 	<ul style="list-style-type: none"> ● Bantuan sara hidup sebanyak RM300 dan subsidi diesel 50-liter sehari dianggap tidak mencukupi. ● Kos sara hidup semakin tinggi, menjadikan bantuan sedia ada tidak relevan. ● Subsidi minyak kurang praktikal kerana nelayan tidak pergi ke laut setiap hari, menambah beban kos kepada mereka. 	<p>Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM):</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. LKIM menyediakan bantuan kewangan khas seperti dana pembaikan peralatan melalui pinjaman kepada nelayan yang memerlukan. Bantuan ini diuruskan oleh persatuan nelayan untuk disalurkan kepada ahlinya. 2. Elaun sara hidup sebanyak RM300 sebulan disediakan untuk nelayan yang layak. 3. Nelayan menerima subsidi petrol dan diesel pada harga RM1.50, yang diuruskan di stesen-stesen minyak dan pangkalan-pangkalan tertentu seperti di Batu Maung, Teluk Bahang, dan Sungai Aceh.
Proses mendapatkan lesen baru yang lambat	<ul style="list-style-type: none"> ● Nelayan 	<ul style="list-style-type: none"> ● Proses mendapatkan lesen baru selepas sampan lama dipotong memakan masa 2-6 bulan. 	<p>Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM):</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Lesen Sampan: Pengeluaran lesen sampan baru dibekukan, dan hanya penggantian sampan lama dengan sampan baru yang dibenarkan.

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Ini menyukarkan nelayan yang memerlukan lesen baru segera untuk sampan baru mereka. 	<p>Proses ini termasuk langkah pelupusan sampan lama yang perlu dipotong atau dipecahkan.</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Cabaran Proses Penggantian: Terdapat lebih 200 sampan yang perlu diuruskan dalam proses ini, dan ia boleh mengambil masa. Walaupun proses ini dijalankan mengikut piagam jabatan, kadangkala terdapat isu waktu yang dianggap lambat oleh pihak nelayan. 3. Permohonan Aku Janji: Sekiranya sampan lama masih dalam keadaan baik, nelayan boleh membuat permohonan Aku Janji untuk mengekalkan sampan tersebut selepas proses ganti kulit dijalankan. 4. Proses Pelupusan: Sampan yang tidak lagi layak digunakan akan dilupuskan sama ada dipotong atau dipecahkan untuk memastikan keselamatan dan kepatuhan kepada peraturan.
Kesukaran melestarikan perkhidmatan Bomba Komuniti	<ul style="list-style-type: none"> • Bomba Sukarelawan Bt Maung, Bayan Baru 	<ul style="list-style-type: none"> • Tunggakan sewa tanah TOL berjumlah RM6,000 sejak 2013 masih belum dilunaskan. • Pihak bomba sukarelawan bergantung kepada sumbangan pihak swasta, dengan kos penyelenggaraan mencecah ribuan ringgit setahun. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
Kebimbangan terhadap pelaksanaan E-Invoice	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga 	<ul style="list-style-type: none"> • Peniaga kurang memahami e-invoice dan bimbang ia akan meningkatkan kos operasi. • Peniaga memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan sistem e-invoice 	<p>Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya:</p> <p>Sistem sokongan dan bantuan akan diberikan kepada peniaga apabila sistem ini dilaksanakan</p>
ISU ALAM SEKITAR			
Perubahan Iklim	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat • Nelayan 	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk dan nelayan menghadapi keadaan cuaca yang tidak menentu, yang sering kali panas atau hujan lebat. • Keadaan cuaca yang sukar dijangka ini memberi kesan kepada kesihatan serta mengancam ekosistem dan hidupan air. 	<p>Jabatan Meteorologi Pulau Pinang:</p> <p>Keadaan cuaca sekarang dipengaruhi oleh pemanasan dan perubahan iklim global yang tidak dapat dielakkan, menyebabkan semua orang merasai kepanasan. Walaupun begitu, setakat bulan ini di Pulau Pinang, suhu tidak mencecah 35°C. Perasaan panas ini ditambah dengan kelembapan tinggi, menjadikan keadaan lebih terasa. Haba yang terperangkap sukar dilepaskan. Meramalkan hujan juga mencabar, terutama dengan sistem taufan aktif di Filipina yang menarik kelembapan dari kawasan ini, menyebabkan cuaca kering.</p>
Peningkatan jumlah kucing berkeliaran di Pasar Bayan Baru	<ul style="list-style-type: none"> • Kompleks Pasar Besar Bayan Baru • Peniaga 	<ul style="list-style-type: none"> • Jumlah kucing liar yang meningkat di kawasan Pasar Besar Bayan Baru menyebabkan ketidakselesaan kepada peniaga. 	<p>Majlis Perbandaran Pulau Pinang:</p> <p>PBT menjalankan program pemandulan untuk anjing liar dengan kerjasama NGO yang terlibat. Anjing yang ditangkap akan dimandulkan dan dilepaskan semula ke lokaliti asalnya untuk</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> ● Masalah ini turut menimbulkan isu kebersihan seperti najis yang bersepah. ● Walaupun terdapat usaha penguatkuasaan, bilangan kucing terbiar masih tinggi akibat pembuangan kucing oleh penduduk. 	<p>mengelakkan kemasukan anjing baru, memandangkan anjing biasanya kekal di kawasan tertentu sehingga mati dan tidak menambah populasi. Proses ini berdasarkan kajian demografi yang telah dibuat. Namun, kucing tidak termasuk dalam program ini kerana dianggap haiwan kesayangan.</p>
Masalah banjir kilat	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk di Taman Iping dan kawasan Lebuhraya Batu Maung 	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk di Taman Iping dan kawasan Lebuhraya Batu Maung menghadapi cabaran besar ketika hujan lebat, di mana risiko banjir kilat sangat membimbangkan. ● Potensi banjir meningkat akibat sistem perparitan yang tidak diperbaiki meskipun pembangunan pesat berlaku di kawasan sekitarnya. ● Keadaan ini diperburuk dengan sistem perparitan sedia ada yang tidak mampu menampung jumlah air hujan yang tinggi, menyebabkan banjir kilat yang kerap berlaku. 	<p>Jabatan Pengairan dan Saliran:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Bagi isu di Taman Iping dan Batu Maung, JPS akan menjalankan satu kajian. Kini, proses penyediaan permohonan kertas kajian untuk pelantikan perunding sedang dijalankan. Projek RTB Batu Maung akan datang, namun perunding masih belum dilantik dan kajian perlu dibuat terlebih dahulu. 2. Kawasan ini memang rendah dengan sistem perparitan yang tidak mencukupi. Aliran ke monsoon drain sering berlebihan akibat pembangunan, menyebabkan air tersekat ketika hujan. 3. Masalah ini turut diperburuk dengan isu pembuangan sampah

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Diamond Valley Industrial Park 	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Diamond Valley Industrial Park di Bayan Baru sering mengalami banjir sederhana semasa hujan lebat. • Masalah ini timbul disebabkan oleh sistem longkang yang kecil atau cetek, yang tidak mampu menampung jumlah air hujan yang banyak. • Faktor ini menyebabkan kawasan tersebut mudah dilanda banjir apabila hujan lebat turun. 	<p><i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i></p>
<p>Laluan Kuala Sungai yang sempit</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Nelayan 	<ul style="list-style-type: none"> • Para nelayan di Kampung Permatang Tepi Laut hingga Binjai menghadapi masalah kerana laluan kuala sungai yang terlalu sempit. • Situasi ini memerlukan perhatian segera daripada pihak JPS, yang telah memaklumkan sedang menunggu tindakan daripada kontraktor dalam masa dua minggu selepas lawatan tapak. • Laluan yang sempit ini menyukarkan pergerakan sampan nelayan untuk 	<p>Jabatan Pengairan dan Saliran: Kerja-kerja pengorekan di muara Kuala Sungai Kampung Pematang Tepi Laut dengan Binjai akan dilakukan pada 29 Julai. Pengorekan ini dilakukan setiap tahun, namun JPS sedar sekali setahun tidak mencukupi. Disebabkan peruntukan yang terhad, pengorekan hanya dapat dilakukan sekali setahun dan tidak mampu meliputi semua muara di daerah ini, jadi ia perlu dibahagikan</p>

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		keluar masuk, dan kos untuk memperbaikinya dianggap terlalu mahal.	
Pencemaran udara berpunca daripada kilang	<ul style="list-style-type: none"> • Penduduk setempat 	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan Diamond Valley Industrial Park, Bayan Baru, mengalami masalah pencemaran udara yang disebabkan oleh kilang simen. Walaupun banyak aduan telah dibuat, tiada tindakan diambil dalam tempoh 10 tahun terakhir, dan jumlah kilang meningkat daripada satu kepada empat. Kurangnya pemantauan terhadap kilang-kilang tersebut mengakibatkan pencemaran habuk yang teruk, yang menjadikan kawasan sekitar kotor dan berisiko licin semasa hujan. 	<i>Isu ini tidak dibincangkan dalam Sesi Dialog bersama Agensi Kerajaan.</i>
Masalah denggi	<ul style="list-style-type: none"> • Kampung Sg Ara dan kawasan sekitarnya 	<ul style="list-style-type: none"> • Masalah denggi di Kampung Sg Ara dan kawasan sekitarnya semakin serius, terutama pada Mei 2024, apabila 7 hingga 8 kes positif dicatatkan. • Punca utama adalah longkang tersumbat dan air bertakung di kawasan flat penduduk. 	Pegawai Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah Barat Daya:

ISU UTAMA	KUMPULAN SASARAN	PENERANGAN ISU	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<ul style="list-style-type: none"> • Pejabat Kesihatan telah melakukan pemeriksaan dan semburan '<i>fogging</i>' untuk membendung penyebaran penyakit ini. 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mesyuarat segera akan diadakan sekiranya terdapat peningkatan kes denggi yang membimbangkan. 2. Perbincangan dengan Pejabat Kesihatan dan pihak berkuasa tempatan (MBP) akan dilakukan untuk merancang tindakan lanjut. 3. Usaha gotong-royong akan dianjurkan untuk membersihkan kawasan yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk, seperti longkang tersumbat dan bekas air bertakung.

3.0 PENGUTAMAAN ISU

PENGUTAMAAN ISU 1: KETIDAKSEIMBANGAN PEMBANGUNAN

<p>Permasalahan berkaitan dengan Isu</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kesesakan lalu lintas 2. Lambakan penjaja tanpa lesen di tepi/bahu jalan 3. Kebanyakan flat/bangunan tidak mampu menampung bilangan kenderaan yang membawa kepada masalah tempat letak kenderaan. 4. Lambakan kereta lama/usang
<p>Cadangan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menyediakan kawasan khas atau zon perniagaan untuk penjaja agar mereka dapat berniaga dengan selamat dan tidak mengganggu lalu lintas. 2. Menambah tapak pelupusan khusus untuk kenderaan lama bagi mengelakkan lambakan kenderaan di kawasan perumahan. 3. Keperluan semakan semula dasar dan polisi berkaitan pengangkutan yang melibatkan pelupusan kenderaan terbiar.
<p>Kumpulan Terjejas</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● Penduduk tempatan ● Pengguna jalan raya ● Penjaja
<p>Kawasan</p>	<ul style="list-style-type: none"> ● DUN Batu Uban ● Seluruh Parlimen Bayan Baru ● Kawasan sekitar Restoran Deen Mutiara
<p>SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA</p>	
<p>SDG YANG BERKAITAN</p>	<p>SASARAN SDG BERKAITAN</p>
<p>Matlamat 11: Bandar dan Masyarakat Mampan</p>	<p>Sasaran 11.1: Menjelang 2030, pastikan akses kepada semua terhadap perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik serta menaik taraf kawasan setinggan.</p> <p>Sasaran 11.2: Menjelang 2030, sediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, mampu milik, mudah diakses dan mampan untuk semua,</p>

	<p>meningkatkan keselamatan jalan raya, terutamanya dengan meluaskan pengangkutan awam, dengan perhatian khusus kepada keperluan mereka yang berada dalam situasi terdedah, wanita, kanak-kanak, orang kelainan upaya dan orang tua</p> <p>Sasaran 11.3: Menjelang 2030, tingkatkan pemandaran dan kapasiti yang inklusif dan mampan bagi perancangan dan pengurusan penempatan manusia yang mengambil bahagian, bersepadu dan mampan di semua negara.</p>
--	---

PENGUTAMAAN ISU 2: KEPERLUAN SOKONGAN EKONOMI UNTUK KOMUNITI

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kenaikan kos barang mentah 2. Kenaikan tarif elektrik dan air 3. Gaji yang rendah dan tidak setimpal 4. Ketiadaan bantuan dan sistem sokongan kepada Ibu Tunggal
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Mengadakan bengkel untuk peniaga kecil bagi memberi panduan tentang strategi mengurus kos dengan berkesan dan mencari alternatif bahan mentah yang lebih murah. 2. Mewujudkan pusat sokongan komuniti khusus untuk ibu tunggal dan kumpulan sasar yang menawarkan bantuan seperti kaunseling, sokongan kewangan dan kemahiran.
Kumpulan Terjejas	Penduduk tempatan
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> • Kg Baru Sungai Ara • MPKK Sungai Nibong Besar • Seluruh Parlimen Bayan Baru
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.2: Menjelang 2030, kurangkan sekurang-kurangnya separuh bahagian lelaki, wanita dan kanak-kanak dari semua peringkat umur yang hidup dalam

	<p>kemiskinan dalam semua dimensinya mengikut definisi nasional</p> <p>Sasaran 1.3: Melaksanakan sistem dan langkah perlindungan sosial yang bersesuaian secara nasional untuk semua, dan menjelang 2030, mencapai liputan yang besar kepada golongan miskin dan rentan.</p>
Matlamat 8: Pekerjaan Sesuai dan Pembangunan Ekonomi	<p>Sasaran 8.5: Menjelang 2030, capai pekerjaan penuh dan produktif serta kerja yang layak untuk semua wanita dan lelaki, termasuk untuk golongan muda dan orang kelainan upaya, dan gaji sama rata bagi kerja yang sama nilai</p>
Matlamat 10: Ketidaksamaan Yang Kurang	<p>Sasaran 10.1: Menjelang 2030, secara progresif mencapai dan mengekalkan pertumbuhan pendapatan 40% terbawah penduduk (B40) pada kadar yang lebih tinggi daripada purata negara</p>

PENGUTAMAAN ISU 3: GEJALA SOSIAL DALAM KALANGAN KOMUNITI

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penyalahgunaan dadah 2. Penggunaan ketum yang tidak terkawal 3. Penggunaan vape/rokok elektrik dalam kalangan pelajar 4. Masalah rempit yang tiada kesudahan
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Melibatkan ibu bapa dalam pemantauan dan pencegahan melalui mesyuarat dan sesi dialog terbuka di sekolah. 2. Memberikan latihan dan peluang pekerjaan kepada golongan belia untuk mengalih perhatian mereka daripada aktiviti tidak sihat. 3. Menjalankan kempen kesedaran dan program pendidikan kepada masyarakat.
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> ● Pelajar ● Ibu bapa ● Belia ● Penduduk setempat
Kawasan	<ul style="list-style-type: none"> ● Kawasan Kg Baru Sungai Ara (DUN Batu Maung) ● DUN Batu Uban

SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG YANG BERKAITAN	SASARAN SDG BERKAITAN
Matlamat 3: Kesihatan Baik dan Kesejahteraan	<p>Sasaran 3.5: Kuatkan pencegahan dan rawatan penyalahgunaan bahan, termasuk penyalahgunaan dadah narkotik dan penggunaan alkohol yang berbahaya.</p> <p>Sasaran 3.6: Menjelang 2020, kurangkan separuh (50% kurang) bilangan kematian dan kecederaan global akibat kemalangan jalan raya.</p>



APPGM-SDG

DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA KE-15



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>